

Gambar di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada bidang perniagaan dan ciri ideal seorang usahawan. Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri ideal yang harus ada pada seseorang individu sebelum memulakan perniagaan. Lengkapkan rangka karangan dengan perkataan yang sesuai.

(KBAT) Menganalisis; Menilai

CIRI IDEAL SEORANG USAHAWAN

- Optimis, kreatif, dan persuasif
- Memiliki kemahiran perniagaan yang tinggi
- Berfikiran terbuka dan fleksibel



Rangka Karangan

Pendahuluan

setiap orang mempunyai _____ untuk membina kejayaan sendiri – menjadi _____ memang menyeronokkan – realitinya tidak semua _____ layak untuk membina dan memimpin _____ sendiri – usahawan berjaya ialah individu yang mempunyai ciri-ciri istimewa yang dapat _____ diri mereka dengan individu yang lain – sentiasa mengasah _____ dan mementingkan kualiti kerja

Isi-isi Penting

1. optimis, kreatif, dan _____ – ciri idea utama yang ketara dalam diri _____ – bijak mencari _____ untuk memajukan perniagaan – mempunyai daya _____ untuk mencipta, mengenali, dan mengejar _____ – memikirkan cara terbaik untuk _____ produk dan perkhidmatan secara terus-menerus – gigih _____ untuk mencapai matlamat – jika usahawan tidak mampu untuk _____ diri atau gagal mengekalkan tahap motivasi pada jangka masa panjang, tidak mungkin mereka dapat _____ semula untuk menghadapi pelbagai dugaan dalam situasi yang _____
2. memiliki _____ perniagaan yang tinggi – penting bagi seorang usahawan untuk menyiapkan prosedur, proses, operasi, dan sistem dalaman semasa _____ perniagaan – memberikan fokus utama pada _____ tunai, strategi jualan, dan pulangan _____ – mempunyai rangkaian _____ profesional yang luas dan _____ tinggi dalam bidang perniagaan – kelebihan yang dimiliki itu _____ dalam pelan perniagaan – bersaing secara sihat
3. berfikiran _____ dan fleksibel – bersiap siaga untuk melakukan perubahan _____ dan rancangan – dapat _____ diri dengan perubahan – tiada cara yang tepat untuk _____ perniagaan – tidak semua orang bersedia menghadapi risiko dalam bidang _____ – mengurangkan risiko dengan membuat _____ menyeluruh tentang industri, konsep perniagaan, dan pasaran

Penutup

dunia perniagaan sentiasa berubah dan cepat berkembang – semakin maju dan terus ke hadapan – usahawan ada dua _____ – sanggup bersaing untuk memajukan diri atau _____ jauh ke belakang – memanfaatkan _____ baharu – berusaha keras dan mengelak diri daripada duduk di bawah _____ – menjadi usahawan ialah satu _____ yang memerlukan lebih daripada kemahiran